

16/03/1999

Poland mungkin beli sendiri minyak sawit

KUALA LUMPUR, Isnin - Poland mengkaji kemungkinan tidak menggunakan pihak ketiga untuk membeli minyak kelapa sawit daripada Malaysia, sebaliknya akan berurusan terus dengan negara ini, kata Presidennya, Aleksander Kwasniewski.

Menurutnya, langkah itu adalah satu daripada usaha untuk meningkatkan hubungan dagangan dua hala di antara Poland dan Malaysia yang masih mempunyai ruang cukup luas untuk dipertingkatkan.

"Walaupun hubungan politik agak baik, kami masih tidak berpuas hati dengan hubungan ekonomi yang mana potensi pada kedua-dua negara masih tidak dimanfaatkan sepenuhnya," katanya pada sidang akhbar di sini petang ini.

Kwasniewski dan isteri, Jolanta, dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Malaysia, diiringi 60 anggota delegasi, termasuk pegawai kerajaan dan ahli perniagaan.

Beliau sebelum itu mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menghadiri majlis jamuan negara di Istana Negara pada sebelah malam.

Pada sidang akhbar itu, Kwasniewski turut ditanya mengenai rancangan mewujudkan sistem pertukaran barangan yang dibuat pada 1996 iaitu pertukaran kelapa sawit dengan peralatan pertahanan.

Beliau berkata, pada 1996, kedua-dua negara agak yakin dengan rancangan itu, tetapi sekarang kepentingan untuk melaksanakan rancangan berkenaan sudah berbeza apabila perbincangan mengenai perkara itu semakin lembap.

"Kami masih terus berusaha menjayakannya dan berharap ia tidak hanya bertumpu kepada barangan industri pertahanan, tetapi diperluaskan kepada barangan komersil," katanya.

Perdagangan antara Poland dan Malaysia meningkat 20 kali ganda daripada AS\$9 (kira-kira RM32.4 juta) kepada AS\$200 juta (kira-kira RM720 juta) antara 1991 dan 1998.

Dalam pada itu, Kwasniewski berkata pengwujudan rangkaian udara secara langsung antara Warsaw dan Kuala Lumpur juga sedang diselaraskan bagi memudahkan pergerakan ahli perniagaan dan pelancongan menerusi rundingan yang konkrit.

Beliau yang kagum dengan komitmen dan pencapaian Malaysia dalam pendidikan, teknologi tinggi dan pembangunan infrastruktur turut menyatakan minat untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang telekomunikasi, multimedia, elektronik, pengangkutan, infrastruktur, pendidikan dan penyelidikan saintifik.

(END)